

**ENAKMEN 7 TAHUN 2002  
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN IV - MAHKAMAH SYARIAH**

---

**Seksyen 43. Penubuhan Mahkamah Syariah.**

- (1) Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Majlis, boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* menubuhkan Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah bagi Negeri Melaka di tempat-tempat yang difikirkannya patut.
  - (2) Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Majlis, boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* menubuhkan suatu Mahkamah Tinggi Syariah bagi Negeri Melaka.
  - (3) Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Majlis, boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* menubuhkan suatu Mahkamah Rayuan Syariah bagi Negeri Melaka.
  - (4) Yang di-Pertuan Agong, atas syor Ketua Hakim Syarie, boleh menetapkan secara bertulis suatu kod etika yang mesti dipatuhi oleh semua Hakim Syarie dan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah.
-